

# **Kesumba UMSKAL** **bantu mangsa kebakaran**

GB 7.10.2017 A4

LABUAN: Kelab Suri Rumah dan Wanita Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (Kesumba UMSKAL) telah mengadakan lawatan khas melaksanakan tanggungjawab sosial ke tapak kawasan rumah mangsa kebakaran di Kampung (Kg.) Rancha-Rancha Darat yang telah berlaku pada 17 September.

Dalam sesi lawatan tersebut, Bendahari Kesumba UMSKAL Eldayana Suhaili mewakili Pengerusi Kesumba UMSKAL Hayati Salleh Baihaki menyampaikan sumbangan kepada

mangsa.

Sumbangan yang disampaikan adalah berupa wang tunai, barang-barang keperluan harian dan pakaian yang telah disumbangkan oleh ahli-ahli Kesumba UMSKAL agar dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa.

Turut menyertai lawatan tersebut adalah Exco Kesumba UMSKAL iaitu Norhanizah Adnan, Nazariah Jalib, Ruby Zawati Timbang serta dua ahli Kesumba UMSKAL, Suria Kahar dan Aishah Adam.



**ELDAYANA (tiga kanan) menyerahkan sumbangan daripada Kesumba UMSKAL kepada mangsa kebakaran di Kg. Rancha-Rancha Darat.**